



LKPP CORPORATION SDN BHD

199769-V

POLISI KUALITI

LKPP Corporation Sdn. Bhd. dan seluruh anggotanya memandang tinggi ke atas kualiti produk dan perkhidmatan kami. Komitmen kami sebagai warga korporat yang bertanggungjawab adalah untuk menjamin aktiviti perniagaan perladangan dijalankan tanpa bertolak ansur dalam kualiti.

Pihak Syarikat komited untuk memberikan produk dan perkhidmatan berkualiti. Kami berusaha untuk kecemerlangan, bertekad untuk menawarkan produk dan kriteria yang ditetapkan oleh Persijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO).

Dalam merealisasikan kualiti, pihak kami akan :-

- ❖ Memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan.
- ❖ Mematuhi tatacara semua peraturan dan perundangan.
- ❖ Menambahbaik kualiti proses, produk dan perkhidmatan kami secara berterusan.
- ❖ Mewujudkan budaya kecemerlangan kualiti di kalangan semua pihak yang berkaitan dengan Syarikat.
- ❖ Menerapkan aspek kemampunan dalam setiap aktiviti dan produk kami dengan mementingkan aspek pelindungan alam sekitar dan pemeliharaan kepelbagaian biodiversiti.

Pematuhan arahan dalam polisi ini adalah tertakluk kepada semua anggota perkhidmatan LKPP Corporation Sdn. Bhd, Anak Syarikat dan semua pihak yang berkepentingan dalam syarikat serta pelawat yang memasuki ladang atau premis syarikat.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Haji Shahrumzaki Bin Hassan".

HAJI SHAHRUMZAKI BIN HASSAN
Pengurus Besar

01 Februari 2021

No. 5/2021